ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

---

10 Ogos 2020
Untuk Hebahan Segera

# KENYATAAN MEDIA

## LUBNAN PERLU BANTUAN KEMANUSIAAN SEGERA

**Bangi –** Sebanyak RM300,000 menjadi sasaran awal pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islamic Relief Malaysia bagi membantu penduduk Lubnan yang terjejas ekoran insiden letupan sebuah gudang di Pelabuhan Beirut Selasa lalu.

Dana tersebut bakal dikumpulkan dalam tempoh sebulan menerusi kempen Dariku Untukmu…Selamatkan Mereka! LEBANON yang dilancarkan baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata Islamic Relief kini berada dalam keadaan siap siaga dan berusaha keras melakukan yang terbaik demi membantu penduduk Lubnan.

“Beberapa jam selepas kejadian letupan, pihak Islamic Relief Lebanon telah berada di tapak kejadian untuk membuat tinjauan dan mengenalpasti bantuan utama yang diperlukan.

“Sehingga kini, kerja-kerja mencari dan menyelamat masih diteruskan oleh pelbagai pihak. Lebih 154 orang dilaporkan maut manakala lebih 5000 orang tercedera dan ratusan lagi masih belum ditemui.

“Lubnan sebelum ini berdepan krisis daripada pelbagai penjuru. Peningkatan kes Covid-19 saban hari semakin membimbangkan dan kini, Lubnan sekali lagi diuji dengan kejadian letupan dengan kekuatan 4.5 skala ritcher. Hospital tidak lagi dapat menampung jumlah pesakit yang ramai,” ulas Zairulshahfuddin.

Justeru, Zairulshahfuddin menjemput orang ramai untuk menyahut seruan bagi membantu mereka yang sangat memerlukan di Lubnan ketika ini dengan membuat sumbangan kepada Islamic Relief Malaysia.

**Tragedi Terburuk**

Sementara itu, Pengarah Negara Islamic Relief Lebanon, Nidal Ali, berkata pihaknya masih lagi terkejut dengan insiden yang tidak dijangka itu.

“Kami semua di Beirut masih terkejut dengan kejadian letupan baru-baru ini. Saya berada di rumah ketika itu sebelum pintu kaca balkoni rumah kami hancur. Pada mulanya kami menyangka bahawa itu adalah gempa bumi.

“Ini merupakan satu lagi tragedi bagi negara ini yang sudahpun berada dalam keadaan krisis yang teruk. Dalam beberapa dekad ini, krisis ekonomi mencapai tahap terburuk di mana hampir separuh penduduk hidup di bawah garis kemiskinan manakala 35% lagi menganggur. Sebilangan besar penduduk Lubnan adalah pelarian yang telah menderita sejak sekian lama. Kini, mereka semakin sukar untuk meneruskan kelangsungan hidup walaupun untuk menyediakan bekalan makanan.

“Pada Oktober tahun lalu, kami terpaksa menghentikan semua program jangka masa panjang dan mengutamakan program agihan pek makanan memandangkan krisis ekonomi yang berlaku menyebabkan isu kemanusiaan semakin kritikal.

“Ini semua terjadi sebelum pandemik koronavirus merebak ke serata dunia dan Lubnan mengalami lonjakan kes dalam beberapa minggu kebelakangan ini sehingga memenuhi pusat-pusat kesihatan dan hospital.

“Islamic Relief telah memberi respon awal dengan menyediakan minuman dan makanan kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal akibat letupan. Kami juga membantu melakukan kerja-kerja pembersihan dan mengupah orang-orang yang kehilangan pekerjaan untuk membantu. Manakala untuk bantuan jangka panjang, kami akan terus menyediakan pek makanan kerana industri import makanan terjejas teruk selepas pelabuhan Beirut musnah,” terang Nidal.

Orang ramai yang ingin membantu boleh membuat sumbangan menerusi kempen Dariku Untukmu…Selamatkan Mereka! LEBANON. Layari laman web Islamic Relief Malaysia, www.islamic-relief.org.my atau hubungi talian tetap, +603-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

**Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi.Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

**Mengenai Islamic Relief Lebanon**

Islamic Relief mula beroperasi di Lubnan pada tahun 2006 dengan menghulurkan bantuan kecemasan seperti makanan, bekalan air bersih dan barangan keperluan asas kepada mereka yang terjejas akibat perang Lubnan.

Selepas konflik peperangan kembali reda, Islamic Relief meneruskan usaha bantuan kemanusiaan dengan memberi tumpuan kepada kawasan pedalaman di sepanjang perbatasan selatan. Selain membina semula hospital dan memperbaiki kemudahan air yang rosak, Islamic Relief turut melaksanakan projek kehidupan mampan bagi membina semula kehidupan penerima manfaat yang kehilangan sumber pencarian.

Islamic Relief Lebanon turut membantu para pelarian yang kini mencatatkan jumlah seramai 1.5 juta orang pelarian Syria dan lebih 300,000 orang pelarian Palestin.

**Mengenai Islamic Relief Malaysia**

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi www.islamic-relief.org.my atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia:

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**
**MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166**
**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**
**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**
**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**
**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**
atau melalui :
**CHARITY SHOPPE | TUNAI atau KAD KREDIT**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**
**Islamic Relief Malaysia-Reg No: 657354-W**
**A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,**
**Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Bahagian Komunikasi Strategik**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my
Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my atau
WhatsApp: +6019-630 9788